

**TEKS UCAPAN  
YANG HORMAT DATO' DR DAING MOHD NASIR IBRAHIM  
NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG  
SEMPENA  
MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN AKADEMIK 2015  
*EMPOWER ECER MAHKOTA BAGI DAERAH PEKAN  
DAN EMPOWER ECER BAGI DAERAH KUANTAN*  
PADA HARI ISNIN, 30 MEI 2016; PUKUL 10:00 PAGI  
DI DEWAN KOMPLEKS SUKAN UNIVERSITI, UMP KAMPUS GAMBANG**

---

**SALUTASI**

Yang Berhormat Dato' Sri Sheikh Mohamed Puzi Sheikh Ali,  
Ahli Dewan Undangan Negeri Pahang kawasan Peramu Jaya;

Yang Berbahagia Dato' Haji Ahmad Azmey Haji Abu Talib,  
Pengerusi Lembaga Pengarah UMP Advanced Education Sdn Bhd;

Yang Hormat Dato' Rosdi Ismail,  
Pengarah Pendidikan Negeri Pahang;

Yang Berusaha Encik Zulkifli Ya'acob,  
Pengurus Besar (Pembangunan Modal Insan),  
Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECERDC);

Rakan-rakan saya dari UMP;

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Rosli Mohd Yunus,  
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa);

Yang Hormat Profesor Dato' Dr. Yuserrie Zainuddin,  
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni);

Profesor Dr. Mashitah Mohd Yusoff,  
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi);

Encik Mohamad Rozi Bin Hassan,  
Ketua Pegawai Eksekutif,  
UMP Advanced Education Sdn Bhd;

Professor Datin Dr Mimi Sakinah Abdul Munaim,  
Presiden Persatuan Wanita UMP (MATAHARI);

Pegawai-pegawai utama, Dekan-dekan, Pengarah-pengarah  
dan Ketua-ketua Pusat Tanggungjawab;

Para Pengetua, Guru Besar, pendidik dan ibu bapa yang dikasihi;

Para pelajar Latihan Kemahiran Akademik

*Empower* ECER yang diraikan;

Rakan-rakan media;

Tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*

Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, suka saya merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah Ta'ala, kerana dengan limpah rahmat, kurnia dan izin-Nya, maka kita dapat bertemu dalam majlis pada pagi ini.
2. Terlebih dahulu, bagi pihak pengurusan UMP, saya ingin mengucapkan selamat datang dan mengalu-alukan kehadiran tetamu kehormat kita, Yang Berhormat Dato' Sri Sh Mohamed Puzi Sh Ali, ADUN Peramu Jaya atas kesudian beliau untuk melapangkan masa bagi menyempurnakan majlis pada hari ini.

3. Sebagaimana yang kita sedia maklum, majlis pada pagi ini diadakan khusus bagi meraikan para anak didik kita yang mencapai keputusan cemerlang dalam peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2015.
  
4. Sukacita saya menyatakan di sini bahawa selain daripada komitmen tinggi para pendidik di sekolah yang menyumbang ke arah pencapaian cemerlang para anak didik ini, mereka juga merupakan para penerima manfaat daripada inisiatif Latihan Kemahiran Akademik *Empower* ECER Mahkota Daerah Pekan dan *Empower* ECER Daerah Kuantan yang dikelolakan bersama oleh UMP dan ECERDC.
  
5. Sehubungan dengan itu, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah kepada anak-anak didik yang diraikan pada pagi ini.

6. Semulia-mulia penghargaan juga wajar dipanjangkan buat ibu bapa, penjaga dan para pendidik yang bertungkus-lumus berusaha bagi memastikan anak-anak didik ini mencapai kejayaan yang membanggakan dengan asuhan, bimbingan dan pendidikan yang sempurna baik di rumah mahu pun di sekolah.

### **UMP DAN TRANSFORMASI LANDSKAP PENDIDIKAN**

7. Yang Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebagai sebuah Universiti Awam, UMP turut memikul tanggungjawab sosial korporat (CSR) dalam konteks transformasi landskap literasi pengetahuan dan pembangunan sosioekonomi masyarakat di sekitarnya.

8. Maka itulah, setiap fasa pertumbuhan Universiti ini sejak penubuhannya pada tahun 2002 turut mengambil kira peranan dan sumbangan strategik UMP terhadap pembangunan sosioekonomi rakyat khususnya di negeri Pahang Darul Makmur ini.

9. Justeru, Pelan Strategik UMP 2016-2020 yang mensasarkan Universiti ini sebagai sebuah universiti teknologi terunggul menjelang tahun 2020 telah turut mengenal pasti Pembangunan Sosioekonomi dan Kelestarian Persekitaran sebagai antara lonjakan strategik utamanya.
10. Dengan *tagline* 'Memasyarakatkan Teknologi', adalah menjadi tekad pihak pengurusan UMP untuk menggerakkan pelbagai agenda, inisiatif dan program yang membolehkan kewujudan UMP dapat dilihat, dirasai dan didengari oleh masyarakat akar-umbi bagi manfaat transformasi kehidupan dan masa hadapan mereka.
11. Justeru, UMP amat sukacita kerana dapat turut serta sebagai penggerak yang proaktif dalam menjayakan program Latihan Akademik *Empower* ECER sejak tahun 2011 lagi iaitu tatkala inisiatif ini masih dikenali dengan nama Sinar ECER.
12. Bermula dengan hanya 170 orang peserta dari dua buah sekolah rendah di daerah Pekan iaitu SK Lepar dan SK Runchang, inisiatif ini telah subur berkembang dari tahun ke tahun. Kini, selepas enam tahun pelaksanaannya, inisiatif ini telah berjaya memberi manfaat kepada 9,186 pelajar.

13. *Alhamdulillah*, untuk tahun 2016 pula, sebanyak 1,220 pelajar dari 30 buah sekolah di daerah Pekan, Kuantan dan Bera telah terpilih untuk menerima manfaat dari inisiatif ini.
  
14. Pada hemat saya, pengisian daripada 11 program di bawah inisiatif ini iaitu Program Guru Pakar, Program Motivasi Pelajar dan Ibu Bapa, Program Sains, Matematik dan Teknologi, Program Mencatat Nota Secara Efektif, Program *Super Camp*, Kem Pendidikan, *Empower Akademik*, Karnival Sains dan Matematik, *Empower Boot Camp*, Program Cekap Matematik dan English Camp merupakan pengupaya tambahan daripada pihak UMP dan ECERDC sebagai sokongan terhadap usaha berterusan oleh Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah-daerah yang terlibat dan sekolah-sekolah yang berkenaan.
  
15. Oleh yang demikian, saya melihat bahawa keberkesanan dan kelestarian inisiatif ini adalah amat bergantung kepada sinergi yang berterusan dan jalinan yang harmoni antara pihak UMP dan ECERDC dengan Jabatan Pendidikan Negeri Pahang, Pejabat Pendidikan Daerah dan sekolah-sekolah yang terlibat.

16. Sehubungan dengan itu, saya percaya bahawa lebih banyak ruang baharu dapat diteroka oleh semua pihak yang berkenaan bagi membolehkan lebih ramai lagi kelompok pelajar dari pelbagai lokasi yang dikenal pasti dapat diberikan peluang untuk menerima manfaat daripada usaha murni ini.
  
17. Dengan komitmen sedemikian, saya dapat membayangkan betapa besarnya impak inisiatif ini terhadap transformasi literasi pengetahuan dan sosioekonomi rakyat sebagaimana yang dihasratkan oleh pucuk pimpinan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Pahang.

## **KATA PENUTUP**

18. Yang Berhormat Dato' Sri, tuan-tuan dan puan-puan,

Sebelum mengakhiri ucapan ini, suka saya mengambil peluang untuk merakamkan setinggi-tinggi ucapan syabas dan tahniah kepada 337 penerima manfaat Latihan Akademik *Empower* ECER daerah Pekan dan Kuantan yang diraikan pada hari ini atas keputusan cemerlang mereka dalam peperiksaan UPSR, PT3 dan SPM bagi tahun 2015.

19. Saya berdoa ke hadrat Allah Ta'ala mudah-mudahan pencapaian cemerlang tersebut akan memotivasi dan menginspirasi pelajar-pelajar ini untuk terus mencipta kejayaan selepas ini sebagai seorang anak dan warganegara yang bertanggungjawab terhadap keluarga dan tanah airnya.
  
20. Semoga Allah Ta'ala akan terus melimpahkan rahmat peliharaannya kepada kita semua, negeri Pahang dan negara Malaysia dengan naungan kesejahteraan, keselamatan, kemakmuran dan kecemerlangan, *Amin*.

Sekian, *wabillahi taufiq walhidayah,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*